

Penerapan Kemahiran Keusahawanan Menerusi Kokurikulum Badminton Dalam Kalangan Pelajar UTHM

Mohd Asri Fear¹, Ahmad Esa²

Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Abstract

Graduate failure get work often associated with student's weakness in Soft Skill mastering. Entrepreneurial skills application to students is one solution to this problem to avoid graduate too hope work in government sector and private. The matter gained attention from Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) by issue Modul Pembangunan Pembangunan Insaniah which covered seven skill that need to be applied to students in academic activity and non-academic to increase quality and graduate credibility produced. Cocurriculum activity perceived as effective platform in disclosing direct experience to students through their involvement in an activity. Therefore, this study carried out is to identify application, awareness and mastery of student on entrepreneurial skills through badminton club co-curriculum in Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Instrument developed in this study is observation, interview, questionnaire form and document analysis.

Keywords: cocurriculum, soft skill, badminton, entrepreneurial skill.

1. Pengenalan

Pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini dan kepelbagaian keperluan oleh majikan dalam era globalisasi (Global Trends 2025). Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja, dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi dunia semasa. Badawi (2006), dalam ucapan bajet tahun 2007 menyatakan kesan dan akibat globalisasi ini, bidang pendidikan dijadikan sebagai landasan oleh kebanyakan negara di seluruh dunia dengan matlamat untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan dilengkapi dengan pelbagai kemahiran seperti *hard skills*, *soft skills*, *competitive skills* dan *employability skills*. Ekspektasi majikan dan cabaran pekerjaan yang semakin meningkat, graduan perlu memiliki bukan sahaja kelayakan akademik tetapi kebolehan dan kemahiran yang memberikan nilai tambah yang mampu menarik minat majikan (Said, 2006).

Berdasarkan pendapat Hassan, Ahmad & Bahari (2008) dan Horne (2003), mereka merujuk kegagalan siswazah mendapat kerja disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah (KI) yang diperlukan majikan. Hal ini kerana kebolehan pasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek. Selain pencapaian akademik

cemerlang, mereka perlu mempunyai KI yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, dan keusahawanan. Pihak majikan pula lebih cenderung mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan (*in-house training*). Proses pembangunan *Soft Skills* ini boleh dilaksanakan kepada semua pelajar meliputi di dalam dan di luar bilik kuliah.

Sehubungan dengan itu, kemampuan siswazah untuk memenuhi kehendak pekerjaan bergantung pada banyak faktor. Yussof, Ismail & Sidin (2008) menyatakan antara yang terpenting ialah pendidikan dan latihan yang diterima dari institusi pendidikan tinggi (IPT). Jika pendidikan yang di terima seimbang dan sepadan dengan tuntutan pekerjaan, lazimnya tidak banyak masalah akan timbul. Menurutnya lagi, pencapaian dalam bidang akademik semata-mata tidak boleh menjamin seseorang pelajar itu memperolehi pekerjaan. Banyak perkara yang diutamakan oleh pihak majikan yang perlu diberi perhatian. Aspek tersebut termasuk sikap terhadap kerja dan pandangan hidup masa depan, penguasaan kemahiran asas yang terkini meliputi kemahiran, kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, disiplin diri, pengetahuan am, pendedahan kepada latihan dan bimbingan kerjaya. Dalam ucapnaya Badawi (2006) semasa membentangkan Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9) menyatakan;

“pembangunan modal insan yang berkualiti akan diperluas. Pendekatan perlu bercorak holistik dan memberi penekanan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran, modal intelektual di dalam bidang sains, teknologi dan keusahawanan. Pada masa yang sama kita perlu membangunkan satu budaya yang progresif, diiringi nilai-nilai etika dan moral yang tinggi”.

Sumber: KPT (2007), Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara (2007-2010), ms.13.

Menurut Dora, Kudus, Abu Hassan & Ali (2008), KI merupakan suntikan utama pembangunan modal insan yang menjadi teras kepada pembangunan sesebuah negara. Pembangunan modal insan sangat penting bagi menjadikan negara lebih berdaya saing. KI merupakan satu usaha kearah melahirkan mahasiswa yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan yang sewajarnya yang boleh diterapkan menerusi penglibatan dalam kokurikulum. Menurutnya lagi, universiti adalah tempat wajar bagi para mahasiswa mempersiapkan diri dengan ilmu, pengalaman dan kemahiran sebelum bergelar graduan. Mohd Noor & Borhan (2010)

menjelaskan kemahiran generik perlu diterapkan kedalam diri pelajar semasa di universiti lagi untuk perkembangan diri mereka. Hal ini kerana kemahiran generik merupakan satu keperluan tambahan bagi pelajar menentukan pembangunan dan perkembangan sesebuah organisasi di samping menjamin kecemerlangan diri sendiri.

Justeru itu, menurut Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2007, IPT berperanan untuk melahirkan golongan sarjana dan ilmuwan yang menjalankan penyelidikan bagi tujuan mengembangkan ilmu bagi pembangunan masyarakat. Cabaran kecemerlangan IPT kini dikaitkan secara langsung dengan keupayaan menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan. Fenomena ini adalah selaras dengan objektif KPT untuk menghasilkan graduan yang kompeten untuk memenuhi keperluan guna tenaga negara dan antarabangsa dengan sasaran 75% graduan mendapatkan pekerjaan dalam bidang relevan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Menurut Nordin (2010) dalam ucapannya Siri Koleksi Penggulangan Tahun 2010, menyatakan maklum balas majikan terhadap keperluan penguasaan generik graduan sebaik sahaja bergraduan telah mendorong kerajaan menambah baik sistem pengajaran dan pembelajaran di IPT. Antaranya dengan penerapan elemen KI dalam hasil pembelajaran (*Learning Outcome*) bagi setiap kurikulum kursus pengajian serta memperkasakan pelaksanaan kursus kokurikulum bercredit di IPT.

Dalam mencapai matlamat pendidikan, kokurikulum memainkan peranan penting dalam semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menghendaki seseorang insan itu dapat memanfaatkan ilmu ke arah kecemerlangan diri dan mampu memberi sumbangan kepada masyarakat serta negara, maka pengisian maklumat tersebut tidak tertumpu semata-mata terhadap kurikulum (Haron & Idris, 2010). Menurut Tahir & Othman (2010) menyatakan kokurikulum merupakan satu kegiatan kumpulan, penyertaan yang aktif boleh membantu pelajar meningkatkan kemahiran sosial (*soft skills*) mereka. Dengan kemahiran sosial yang baik, tahap interaksi dan integrasi di kalangan pelajar dapat dipertingkatkan lagi. Melalui penglibatan dalam unit beruniform pula, ia dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan, ketahanan mental dan fizikal, semangat patriotik, tahap disiplin selain kemahiran dalam kalangan pelajar.

2. Latar belakang masalah

Menurut *The Australian Industry* (2007) dalam jurnal bertajuk *Graduate Employability Skills* menyatakan bahawa lulusan universiti tidak mempunyai kemahiran generik menyebabkan mereka tidak mendapat tempat di pasaran kerja. Hal ini terjadi kerana pelajar lebih menumpukan akademik semata-mata tanpa melibatkan diri dalam sebarang aktiviti luar semasa di universiti. Selain penglibatan dalam gerak kerja berasaskan kumpulan di dalam kelas, kemahiran generik boleh di pupuk melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Pandangan umum sering merujuk kegagalan siswazah mendapat pekerjaan disebabkan mereka tidak memiliki KI yang diperlukan majikan (Hassan *et al.*, 2008). Terdapat rungutan dan kebimbangan yang disuarakan oleh para majikan sejak akhir-akhir ini bahawa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak menyediakan pelajarannya dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan. Menurut Juhdi, Pa'Wan, Othman & Moxsin (2010), selain pencapaian akademik cemerlang, siswazah perlu mempunyai KI yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, keusahawanan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat serta etika dan moral professional.

Universiti perlu melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja menguasai kemahiran kognitif (akademik, penguasaan pelbagai ilmu dan iktisas) juga mesti memiliki ciri kepimpinan, kemahiran sosial dan kematangan emosi yang ditunjangi nilai kerohanian (Mohamad Arip & Yusof, 2006). Paradigma pendidikan hari ini yang luas skopnya dan tidak lagi terbatas di sekitar buku teks akademik dan rujukan semata-mata. Mahasiswa kini tidak boleh memberikan tumpuan kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai jenis kemahiran untuk membentuk keterampilan yang sempurna (Kulop, 1993).

Menurut Deraman, Mohamad, Ahmad, Bakar, Mohd Jani & Hashim (2007), Keusahawanan merupakan satu bidang yang sangat penting dalam memastikan pembangunan sesebuah negara, keusahawanan merupakan satu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi dan masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan dianggap masyarakat yang paling baik. Omar (2011) menyatakan universiti perlu mempunyai pelan tindakan untuk menjayakan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kerana keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang sangat penting di Malaysia ketika ini. Perkara ini selaras dengan saranannya dalam ucapan pada Minggu Perkasa Putra Pelajar Baharu Semester Pertama Sesi 2011/2012;

“Satu lagi cabaran besar yang perlu diberikan perhatian oleh saudara/saudari sekalian bermula dari sekarang adalah keupayaan mengadakan pekerjaan kepada diri sendiri. Persediaan ini perlu kerana pada masa sekarang banyak graduan yang menganggur selepas tamatnya pengajian di universiti. Persiapan ini sangat perlu sebagai tindak balas rasional yang perlu ditangani kerana realiti yang sedang berlaku sekarang sangat membimbangkan kita. Pelbagai faktor yang menyumbang kepada pengangguran siswazah termasuklah kekurangan kemahiran generik pelajar, kelembapan ekonomi, sikap terlalu memilih pekerjaan, perlu diberikan tumpuan oleh saudara/saudari sekalian. Satu-satunya bidang yang membolehkan saudara/saudari menjadi sebagai penyedia pekerjaan adalah keusahawanan”.

Sumber: Teks ucapan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (2011), ms 10.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2009) penglibatan penduduk bekerja dalam bidang keusahawanan dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara serta mewujudkan peluang pekerjaan yang seterusnya akan mengurangkan kadar pengangguran. Kajian yang di lakukan oleh Harun & Idris (2008) untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penerapan kemahiran generik dalam aktiviti kokurikulum yang diceburi. Tumpuan kajian meliputi empat aspek iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran bekerjasama, kemahiran keusahawanan serta etika dan moral profesional. Populasi kajian yang diambil ialah pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan, UTM. Hasil kajian mendapati bahawa penerapan kemahiran keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum menunjukkan penerapannya ditahap yang sederhana. Dapatan ini jelas menunjukkan pelajar universiti tidak dapat menguasai kemahiran keusahawanan dalam penglibatan mereka dalam kegiatan kokurikulum di universiti.

Berdasarkan Nordin (2010), dalam ucapan penggulungan tahun 2010, isu graduan dan pengangguran sentiasa menjadi fokus utama kerajaan yang komited untuk mengatasinya. Bagi memastikan semua graduan mendapat kerja sama ada makan gaji atau menjadi usahawan, pelbagai faktor diperlukan dan perlu disediakan untuk graduan terbabit (KPT, 2010). Melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dikeluarkan oleh KPT pada 27 Ogos 2007, menegaskan bahawa matlamat pengajian tinggi ialah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan. Matlamat KPT adalah untuk menghasilkan graduan memperolehi pekerjaan yang sesuai, graduan boleh menjadi usahawan dan mewujudkan pekerjaan, graduan yang mempunyai kompetensi yang tinggi dan graduan IPT berkualiti yang mempunyai nilai tambah dari segi KI *‘soft skills’* yang memenuhi kehendak pasaran kehendak pasaran.

Kemunculan isu mengenai penguasaan kemahiran oleh graduan telah mendorong KPT menghasilkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT Malaysia sebagai rujukan kepada IPT di Malaysia (Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah, 2006). Modul yang diperkenalkan ini adalah hasil usaha dan komitmen banyak pihak di kementerian bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketerampilan dan mampu bersaing bukan sahaja di pasaran kerja tempatan, malah peringkat antarabangsa. Tujuannya adalah untuk menerapkan kemahiran melalui penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti terutamanya dalam kokurikulum (Atan & Lynn, 2007). Penerapan kokurikulum yang berkesan akan menghasilkan pelajar yang berdisiplin, bertanggungjawab, bekerjasama, amanah, jujur, dedikasi, berdikari, bermotivasi, berkeyakinan dan berani (Md Yunus, 2004 dan Esa, 2005).

Berdasarkan sinopsis buku panduan kokurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris (2009/2010) permainan badminton merupakan salah satu mata pelajaran kursus yang ditawarkan di IPTA di bawah unit sukan. Antara intipati matlamat kokurikulum yang terkandung dalam buku panduan ini ialah untuk mengimbangi antara kecemerlangan bidang akademik dengan aktiviti bukan akademik, agar dapat melahirkan siswazah yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Aktiviti kokurikulum selain memberi pengetahuan luar bidang pengkhususan akademik, juga dapat melatih para pelajar dalam aspek kepimpinan, pengurusan organisasi dan sikap para pelajar supaya sentiasa aktif dan inovatif terhadap kecergasan fizikal dan mental. Menurut Jianyu & Jeff (2009), kemahiran dalam permainan badminton dapat ditingkatkan dengan bantuan jurulatih. Jurulatih berperanan untuk membentuk dan menerapkan strategi pembelajaran dan latihan yang dicadangkan untuk individu.

Oleh yang demikian, isu pengangguran di kalangan graduan bukan perkara baru dan menjadi masalah kepada negara. Masalah pengangguran berlaku setiap kali universiti mengeluarkan beribu-ribu graduan setiap tahun. Kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh para graduan tidak dapat digunakan untuk menyumbang pembangunan negara (Osman, 2007). Berdasarkan perangkaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) 2006, menunjukkan sejumlah graduan menganggur mencecah sehingga 24,000 orang. Menurut Hassan (2007), penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan dapat membendung dan mengurangkan masalah pengangguran tersebut. Malahan bidang ini menawarkan peluang pekerjaan kepada orang lain. Justeru itu, graduan perlu didedahkan dengan bidang ini sejak daripada peringkat awal lagi.

3. Penyataan masalah

Daripada latar belakang masalah, di dapati antara sebab berlakunya masalah pengangguran dalam kalangan graduan adalah kurangnya penguasaan KI. Bidang keusahawanan dianggap sebagai transformasi kepada masalah pengangguran pada ketika ini. Menurut Nordin (2010), universiti perlu mencari formula untuk memperbaiki *outcomes* pelaksanaan kokurikulum supaya tidak hanya berfokus daripada aktiviti yang sedia ada. Menurutnya lagi, pengajaran terhadap nilai keusahawanan adalah penting supaya graduan yang bakal keluar kelak memiliki kebolehpasaran yang tinggi di samping tidak terlalu mengharapkan pekerjaan dari sektor kerajaan atau swasta. Dalam hal ini, universiti perlu memainkan peranan penting untuk menerapkan kemahiran keusahawanan dalam kokurikulum kepada pelajar supaya graduan berkebolehan untuk bekerja sendiri. Permainan badminton merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam kokurikulum di IPTA. Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengkaji sejauh mana KI khususnya kemahiran keusahawanan dapat dibentuk melalui kokurikulum permainan badminton di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

4. Tujuan kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana kemahiran keusahawanan dibentuk melalui penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum menerusi kelab badminton UTHM.

5. Persoalan kajian

Soalan kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- i. Adakah terdapat penerapan elemen kemahiran keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum kelab badminton UTHM?
- ii. Sejauhmanakah kesedaran pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum menerusi kelab badminton?
- iii. Sejauhmanakah penguasaan pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum menerusi kelab badminton?

6. Skop kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga bahagian sahaja iaitu:

- i. Pengkaji memfokuskan kajian kepada kokurikulum bercredit kelab badminton UTHM .
- ii. Fokus kepada elemen kemahiran keusahawanan yang merupakan salah satu daripada tujuh kemahiran yang di tetapkan oleh KPT dalam KI. Elemen kemahiran keusahawanan terbahagi kepada empat bahagian iaitu kebolehan mengenalpasti peluang perniagaan, kebolehan merangka perancangan perniagaan, kebolehan membina, (meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan) dan kebolehan untuk bekerja sendiri.
- iii. Memfokuskan kepada pelajar yang mengambil matapelajaran kokurikulum badminton dan pembimbing kelab badminton di mana kedua-duanya dijadikan sebagai responden kajian.

7. Metodologi kajian

Metodologi merupakan antara bab terpenting dalam menyiapkan sesuatu kajian untuk memastikan objektif kajian tercapai. Kajian ini menggunakan kajian kes supaya pengkaji dapat menjalankan secara mendalam berdasarkan persoalan kajian. Pemilihan metodologi yang tepat dan sesuai perlu diambil kira dengan merujuk kepada tujuan kajian bagi memastikan hasil kajian yang di perolehi mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Langkah-langkah kerja perlu dirancang dengan teratur bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan adalah bersistematik dan teliti.

7.1 Populasi dan sampel kajian

Menurut Cohen & Manion (1985), terdapat tiga kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian iaitu persampelan seluruh populasi, persampelan rawak dan persampelan tidak rawak. Dalam kajian ini pengkaji memilih kaedah persampelan seluruh populasi. Sampel kajian ini terdiri daripada 35 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran kokurikulum badminton yang berdaftar dengan Pusat Kokurikulum dan Kebudayaan (PKSK) sesi 2012/2013 UTHM.

7.2 Lokasi kajian

Kajian ini dilakukan di UTHM. Tempat ini dipilih sebagai tempat kajian adalah di sebabkan UTHM merupakan salah satu universiti yang menjalankan aktiviti kokurikulum. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kajian terhadap salah satu

aktiviti kokurikulum iaitu kelab badminton sebagai skop kajian. Rasional pemilihan lokasi kajian ini ialah kurikulum yang terkandung dalam kelab badminton UTHM adalah sama dengan universiti lain. Oleh itu, dengan cara ini pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lebih terperinci dan mendalam terhadap penerapan kemahiran keusahawanan di kalangan ahli kelab badminton UTHM.

7.3 Instrumen kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian, borang soal selidik (*questionnaire*), temu bual dan analisis dokumen yang merupakan alat pengukuran untuk mendapatkan data. Kaedah pemerhatian merupakan instrumen utama pengukuran dalam kajian ini manakala borang soal selidik, temu bual dan analisis dokumen merupakan instrumen sokongan kepada dapatan pemerhatian. Data dari borang soal selidik di analisis menggunakan perisian SPSS 17.0. Skala Likert digunakan dalam menjawab soal selidik dengan menggunakan lima skala pengukuran seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1: Tafsiran skala Likert soal selidik

Skor	5	4	3	2	1
Skala	Sangat setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju

Jadual 1.1: Kaedah penganalisan data

Bil	Persoalan kajian	Analisis Data	
		Kualitatif	Kuantitatif
1	Adakah terdapat penerapan elemen kemahiran keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum kelab badminton UTHM?	Analisis kandungan daripada data yang diperoleh dari pemerhatian (Senarai semak berdasarkan kekerapan dan gambar), analisis dokumen dan temu bual (Transkrip temu bual).	Peratusan dan skor min daripada analisis soal selidik.
2	Sejauhmanakah kesedaran pelajar mengenai penerapan elemen kemahiran keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum menerusi kelab badminton?	Analisis kandungan daripada data yang diperoleh dari temu bual (Transkrip temu bual).	Peratusan dan skor min daripada analisis soal selidik.
3	Sejauhmanakah penguasaan pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran keusahawanan dalam aktiviti kokurikulum menerusi kelab badminton?	Analisis kandungan daripada data yang diperoleh dari temu bual (Transkrip temu bual). - Ahli kelab. - Jurulatih.	Peratusan dan skor daripada analisis soal selidik.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan tafsiran skor min dan peratusan untuk menjawab persoalan satu, persoalan dua dan persoalan tiga yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi persoalan tersebut. Tafsiran dapatan daripada soal selidik di analisis seperti Jadual 1.3.

Jadual 1.3: Tafsiran skor min

Kumpulan	Julat	Tahap kecenderungan
1	1.00 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

(Sumber: Adaptasi daripada Landell, 1997)

5. Jangkaan Dapatan

Dalam kajian ini pengkaji menjangkakan tiada penerapan, kesedaran dan penguasaan elemen kemahiran keusahawanan bagi pelajar yang menyertai kokurikulum kelab badminton UTHM memandangkan aktiviti kokurikulum badminton lebih menekankan pendedahan dalam aktiviti permainan badminton sahaja.

6. Rujukan

- Abdul Rahman, A. (2004). *Penglibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Aktiviti Kokurikulum Dan Kesannya Keatas Pencapaian Akademik. Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas, Pontian*. Koleksi Tesis. Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai Pada Disember 1, 2011 dari <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/pdfail/ptkghdfwP/AMINUDINBP010123D2004TTP.pdf>.
- Alvarez, R. M. & Nagler, J. (2005). *A Method for Weighting Survey Samples of Low-Incidence Voter*. Paper prepared for the 2005 Political Methodology Summer Meeting, Tallahassee, Florida July, 2005 Dicapai pada November 14, 2011 dari http://www.nyu.edu/gsas/dept/politics/faculty/nagler/weights_methods11.pdf.
- Ariffin, S. & Sabaruddin, A. S. (2006). *Panduan Asas Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan*. , Shah Alam. Universiti Teknologi Mara.
- Atan, N. A. & Lynn, K. V.(2010). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Kalangan Guru Pelatih Yang Mengambil Kursus Sains Komputer Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (2007). Dicapai pada Oktober 14, 2011 dari http://eprints.utm.my/11357/1/Penerapan_Kemahiran_Insaniah_Di_Kalangan_Guru_Pelatih_Yang_Mengambil_Kursus_Sains_Komputer_Di_Fakulti_Pendidikan_Universiti_Teknologi_Malaysia.pdf.
- Azman, N. A. (2007). Jurnal. *Peranan Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum Di Sekolah Menengah Daerah Mersing*.
- Badawi, A. (2006). Ucapan teks “*Pembangunan Modal Insan Penjana Wawasan 2020*”. Dicapai pada Nov. 18, 2011 dari <http://jpmportal.prison.gov.my/akademi/images/ArkibAKM/pembangunan%20modal%20insan%20openjan%20wawasan%202020.pdf>.
- Badusah, J. et all., (2009). *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang. Universiti Putra Malaysia.
- Blue, D & Cook, J. E. (2004). *High School Dropouts: Can We Reverse the Stagnation in School Graduation. The University of Texas Dept. of Educational Administration*. Dicapai pada November 11, 2011 dari <http://www.edb.utexas.edu/hsns/HSNSbrief2.pdf>.
- Buang, N. A. (2002). *Asas Keusahawanan*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Buang, N. A. (2006). *Sektor Penyelidikan Pendidikan Keusahawanan di IPTA*. Fakulti Pendidikan, UKM. Dicapai pada November 11, 2011 dari <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb08/d/7.pdf>.

- Buku Panduan Kokurikulum (2009/2010). Pusat kokurikulum Universiti Pendidikan Sultan Idris. Dicapai pada April, 1, 2012 dari http://pkq.upsi.edu.my/v2/images/buku_panduan.pdf.
- Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Dewan Bahasa dan Pustaka (1992) m.s.11.
- Burn, R. B. (2000). "Introduction Research Method". 4th ed. Australia: Longman.
- Che Abd. Rahman, A. S. (2007). *Pengetahuan Kandungan Dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat Di Sebuah Sekolah*. Tesis Universiti Malaya. Dicapai pada Oktober 4, 2011 dari <http://dspace.fsktm.um.edu.my/bitstream/1812/427/1/Tesis%20Dr.%20Abd.%20Shatar%20bin%20Che%20Abd.%20Rahman.pdf>.
- Che Hassan, S., Che Hassan, N. & Buang, N. A. (2010). *Penguasaan Kemahiran Insaniah (Kemahiran Keusahawanan) Dalam Kalangan Guru Sekolah Di Malaysia*. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010. Dicapai pada November 13, 2011 dari [http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPSI/2010/Book_5/PENGUASAAN_KEMAHIRAN_INSANIAH_\(KEMAHIRAN_KEUSAHAWANAN\)_DALAM_KALANGAN_GURU_SEKOLAH_DI_MALAYSIA.PDF](http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPSI/2010/Book_5/PENGUASAAN_KEMAHIRAN_INSANIAH_(KEMAHIRAN_KEUSAHAWANAN)_DALAM_KALANGAN_GURU_SEKOLAH_DI_MALAYSIA.PDF).
- Chek Pi & Omar Fauzi. (2002). *Kokurikulum Menjana KeArah Keseimbangan Pelajar*. Utusan Publication & distributors Sdn. Bhd. m/s 40-45.
- Chimi, C.J. & Russell, D.L.(2009). *The Likert Scale: A Proposal for Improvement Using Quasi-Continuous Variables*. Proc ISECON 2009, v26 (Washington DC). Dicapai pada November 12, 2011 dari <http://proc.isecon.org/2009/4333/ISECON.2009.Chimi.pdf>.
- Clouse, R.W., et all.,. (2003). *Entrepreneur In Action: An Integrated Approach To problem Solving Via The Internet*. Dicapai pada November 16, 2011 dari <http://www.eric.ed.gov/PDFS/ED477493.pdf>.
- Cohen, L. & Manion, L., (1985). *Research Method in Education*, 2nd ed. London: Croom Helm.
- Coiera, E. & Tombs, V. (1998). *Communication Behaviours in a Hospital Setting: An Observational Study*. Agency Mediation Department. Dicapai pada November 18, 2011 dari <http://www.bmj.com/content/316/7132/673>.
- Creswell, J. (2003). *Research Design* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Daniels, P. L. (2001). *Interscholastic Sports And The Middle School Student: A Case Study*. Dissertation Submitted to the Faculty of the Virginia Polytechnic Institute

and State University. Dicapai pada November 14, 2011 dari <http://scholar.lib.vt.edu/theses/available/etd-120299-170148/unrestricted/mssports.pdf>.

Deraman, N., *et al.*, (2007). *Keusahawanan: Teori dan praktis*. Kuala Lumpur. McGraw-Hill Education.

Dora *et al.*, (2008). *Kemahiran Insaniah (7 Kompetensi Unggul Mahasiswa)*. Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Dugan, J. P. & Komives, S. R. (2007). *Developing Leadership Capacity in College Students: Findings from a National Study*. The Multi-Institutional Study for Leadership A Project of National Clearinghouse for Leadership Programs. Dicapai pada November 11, 2011 dari <http://nclp.umd.edu/include/pdfs/MSLReport-FINAL.pdf>.

Dunser, A. & Hornecker, E. (2007). *An observational study of children interacting with an augmented story book*. University of Canterbury, New Zealand. HIT Lab NZ. Dicapai pada November 18, 2011 dari http://www.ehornecker.de/Papers/edutainment_2007_dunser.pdf.

Ensiklopedia Dunia (2005), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ensiklopedia Global (2001), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Esa, A. (2005). Peningkatan kemahiran bakal pensyarah politeknik menerusi kursus pengurusan kokurikulum. *Jurnal Sains Sosial*.

Expert Panel on Skills. 2000. *Stepping Up-Skills And Opportunities In The Knowledge Economy*, Report Of The Expert Panel On Skills To The Advisory Council On Science And Technology. Ottawa. Industry Canada.

Foubert, J.D. Grainger, L. U. (2006). *Effects of Involvement in Clubs and Organizations on the Psychosocial Development of First-Year and Senior College Students*. *NASPA Journal*, 2006, Vol. 43, no. 1. Pp. 166-182. Dicapai pada November 23, 2011 dari [http://okstate.academia.edu/JohnFoubert/Papers/90869/Foubert J. D. and Grainger L. 2006 . Effects of membership in clubs and organizations on the psychosocial development of first-year and senior college students. NASPA Journal 43 166-182.](http://okstate.academia.edu/JohnFoubert/Papers/90869/Foubert_J._D._and_Grainger_L._2006_.Effects_of_membership_in_clubs_and_organizations_on_the_psychosocial_development_of_first-year_and_senior_college_students._NASPA_Journal_43_166-182)

Gallagher, P. (1999). *Critical Skills: Hitting a Moving Target. Background paper for the Expert Panel of Skills*. Ottawa: Industry Canada. Dicapai pada November 12, 2011 dari <http://acst-ccst.gc.ca/skills>.

- Global Trends 2025: *A Transformed World* (2008). by the Superintendent of Documents, US Government Printing Office. Dicapai pada Okt. 12, 2011 dari http://www.dni.gov/nic/PDF_2025/2025_Global_Trends_Final_Report.pdf.
- Goodwin, C. J. (2005). "Research in Psychology: Method and Design." 4th. Ed. John Wiley & Sons, Inc. 414.
- Golds, T. (2002). "*Badminton (Skills of the Game)*". Crowood Publishers.
- Gonyea, R. M. (2006). *The Relationship Between Student Engagement And Selected Desirable Outcomes In First Year Of Collect*. Indiana University center for Postsecondary Reseach. Dicapai pada November 11, 2011 dari http://nsse.iub.edu/pdf/research_papers/gonyea_air2006.pdf.
- Gordon B. W. (1999). (*A "How To" Guide*). Research Triangle Institute. Dicapai pada November 16, 2011 dari <http://fog.its.uiowa.edu/~c07b209/interview.pdf>.
- Grice, T. (2007). "*Badminton Meniti Tangga Kejayaan*". Kuala Lumpur. Utusan Publication Distribution Sdn. Bhd.
- Hancock, B. (2002). *An Introduction to Qualitative Research*. Division of General Practice University of Nottingham. Dicapai pada November 16, 2011 dari http://faculty.cbu.ca/pmacintyre/course_pages/MBA603/MBA603_files/IntroQualitativeResearch.pdf.
- Hanin Hamjah, S. (2011). *Kaedah Mengatasi Kebimbangan Dalam Kaunseling: Analisis Dari Perspektif Al-Ghazali*. (Methods to Overcome Anxiety in Counseling: An Analysis from al-Ghazali Perspectives). Jurnal Hadhari 3 (1) (2010) 41-57. Dicapai pada Januari 16, 2012 dari <http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/v3n12011/makalah-v3n1-n3.pdf>.
- Haron, Z. & Idris, A. A. (2010). *Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada November 2, 2011 dari http://eprints.utm.my/10848/1/Persepsi_Pelajar_Terhadap_Penerapan_Kemahiran_Generik_Dalam_Aktiviti_Kokurikulum_Di_Kalangan_Pelajar_Tahun_Dua_Fakulti_Pendidikan.pdf.
- Hashim, N., Othman, N., & Buang, N. (2009). *Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia*. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009): 187 – 203. Dicapai pada Disember 25, 2011 dari <http://journalarticle.ukm.my/217/1/1.pdf>.

- Hassan, H., Ahmad, R. & Bahari, A. (2008). *Kemahiran Insaniah Dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktasiswa Perdana UniMAP*. Dicapai pada Oktober. 14, 2011 dari <http://dspace.unimap.edu.my>.
- Hassan, J. & A. Safar, S. (2010). *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Tesis. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada November 28, 2010 dari [http://eprints.utm.my/10788/1/Pembinaan
Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktivi
ti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia.pdf](http://eprints.utm.my/10788/1/Pembinaan_Kecemerlangan_Diri_Pimpinan_Pelajar_Menerusi_Penglibatan_Dalam_Aktiviti_Kokurikulum_Di_Universiti_Teknologi_Malaysia.pdf).
- Hisrich, R. D., Peters, M. P. & Shepherd, D. A. (2002), *Entrepreneurship*. McGraw-Hill, Boston.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P & Shephard D.A. (2008). *Entrepreneurship (International Edition)*. Singapore: The McGraw-Hill Education Asia.
- Husaini, M. A. & Ahmad, K. A. (2008). *Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Analisis Kandungan Buku-Buku Teks*. Jurnal. Prosiding SKIKS 08. Dicapai pada November 14, 2011 dari [http://eprints.uthm.edu.my/129/1
/muhammad_haron_husaini.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/129/1/muhammad_haron_husaini.pdf).
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2009). *Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh*. Siri 4 BIL.1/2009. Dicapai pada Oktober 14, 2011 dari [http://www.statistics.gov.my/portal/download_Labour/files/BPTMS/SIARAN
KHAS \(USAHAWAN DI MALAYSIA\).pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/download_Labour/files/BPTMS/SIARAN_KHAS_USAHAWAN_DI_MALAYSIA).pdf).
- Kumar & Ranjit (2005), *Research Methodology-A Step-by-Step Guide for Beginners*, (2nd.ed.), Singapore, Pearson Education. Dicapai pada Oktober, 12, 2011 dari http://www.ihmctan.edu/PDF/notes/Research_Methodology.pdf.
- Kuratko, D. F. & Hodgetts, R. M. (2004). *Entrepreneurship: Theory, Process and Practice*. Ohio: South Western.
- Kurikulum Kebangsaan, *peraturan-peraturan pendidkn (kurikulum kebangsaan (1997)*. Dicapai pada November 18, 2011 dari http://www.assafii.com/web_documents/pua531_kurikulum_kebangsaan.pdf.
- Lendal, H. K. (1997). "Management by Menu". London: Wiley and Son Inco.
- Lawhorn, B. (2008). *Extracurricular activities*. Occupational Outlook Quarterly Winter 2008–09. Jurnal. Dicapai pada Nov. 18, 2011 dari <http://www.bls.gov/pub/ooq/2008/winter/art02.pdf>.
- Machado, C., Almeida, L. S. & Soares, A. P. (2002). *Academic Experience at the Beginning and the End of University Studies*. European Journal of Education,

- Vol. 37, No. 4, 2002. Dicapai pada November 11, 2011 dari <http://repositorium.sdum.uminho.pt/handle/1822/12077>.
- Macquet, A. C. & Fleurance, P. (2007). "Naturalistic decision-making in expert badminton players". Volume 50, isu 9, 2007. Dicapai pada April. 1, 2012 dari <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/00140130701393452>.
- Mansor, Z. (2008). *Pelaksanaan Dan Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Mata Pelajaran Kokurikulum Di UTHM*. Tesis. Jabatan Pendidikan Ikhtisas Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM. Dicapai pada November 12, 2011 dari [http://eprints.uthm.edu.my/1414/1/24 Pages from PERLAKSANAAN DAN PENILAIAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM MATA PELAJARAN KOKURIKULUM DI UT.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/1414/1/24%20Pages%20from%20PERLAKSANAAN%20DAN%20PENILAIAN%20KEMAHIRAN%20INSANIAH%20DALAM%20MATA%20PELAJARAN%20KOKURIKULUM%20DI%20UT.pdf).
- Mat Safar, H. & hasyim, F.(2007). *Penerapan Kemahiran Insaniah Di Sekolah Menengah Teknik : Satu Analisis Perbandingan*. Jurnal. Dicapai pada Nov. 13, 2011 dari http://www.polipd.edu.my/v3/sites/default/files/20111007_Fadilah_Hasmadi.pdf.
- Md Yunos, J. (2004). Peningkatan Kemahiran Bakal Pensyarah Politeknik Menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum. Jurnal Sains Sosial.
- Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Arip, M. & Yusof, B. (2006). *Kokurikulum Dapat Mengurangkan Masalah Sosial Remaja*. Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Noor, N. & Borhan, N. (2010). *Penerapan Kemahiran Generik dalam Kokurikulum di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM*, Fakulti Pendidikan, UTM. Dicapai pada November 5, 2011 dari [http://eprints.utm.my/10462/1/PENERAPAN KEMAHIRAN GENERIK DALAM KOKURIKULUM DI KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN.pdf](http://eprints.utm.my/10462/1/PENERAPAN%20KEMAHIRAN%20GENERIK%20DALAM%20KOKURIKULUM%20DI%20KALANGAN%20PELAJAR%20TAHUN%20AKHIR%20SARJANA%20MUDA%20TEKNOLOGI%20SERTA%20PENDIDIKAN.pdf).
- Mohd Noor, N. & Sahimin, S. (2010). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kolej Yayasan Sabah*. Fakulti PendidikanUniversiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada November 6, 2011 dari [http://eprints.utm.my/10527/1/PENERAPAN KEMAHIRAN GENERIK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN.pdf](http://eprints.utm.my/10527/1/PENERAPAN%20KEMAHIRAN%20GENERIK%20DALAM%20PROSES%20PENGAJARAN%20DAN.pdf).
- Mohd Tahir, L. & Othman, O. (2010). *Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di*

Daerah Langkawi. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada Oktober 14, 2011 dari http://eprints.utm.my/11595/1/Keperluan_Aktiviti_Kokurikulum.pdf.

Osman, M. (2007). *Faktor-Faktor Yang Telah Mendorong Graduan Dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia 2007.

Othman, N., Lope Pihie, Z. A., Nazri, M. I. & Ahmad Tarmizi, R., (2003). “aplikasi model Kolb dalam Program Keusahawanan Remaja”. *Jurnal Teknologi*, 38 (E). ms.49-64. University Teknologi Malaysia. Dicapai pada November 6, 2011 dari <http://www.penerbit.utm.my/onlinejournal/38/E/JT38E4.pdf>.

Mokhtari, P. & Dana, A. (2007). “*The effect of observational practice on learning of valley badminton service: the role of self-efficacy mediation*”. Azad University, Tehran, Iran. *Local Sport in Europe – Proceedings*, 181-187. Dicapai pada April. 1, 2012 dari <http://www.eass2007.eu/webpics/Mokhtari.pdf>.

Polymerou, A. (2007). *Alcohol and Drug Prevention in Colleges and Universities*. Jurnal dari (A Review of the Literature). Dicapai pada November 13, 2011 dari http://www.mentorfoundation.org/uploads/UK_Prevention_Colleges_and_Universities.pdf.

Ross, K. N. (2005). *Quantitative research methods in educational planning*. UNESCO International Institute for Educational Planning. Dicapai pada November 15, 2011 dari <http://unesdoc.unesco.org/images/0018/001824/182459e.pdf>.

Rubin, R. S., Bommer, W. H. & Baldwin, T. T. (2002). *Using Extracurricular Activity As An Indicator On Interpersonal Skill: Prudent Evaluation Or Recruiting Malpractice?*. *Human Resource Management*, Winter 2002, Vol. 41, No. 4, Pp. 441–454. Dicapai pada 11 November 2011 dari <http://collegiateassessment.com/acarticle2.pdf>.

Said, A. (2006). *Knowledge surveys: An introduction*. Paper presented on August 30 in the Faculty of Education UTM Skudai Colloquium. Dicapai pada November 15, 2011 dari <http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=ekspektasi%20majikan%20d>.

Sail, R. M. (2010). *Kompetensi Pembangunan Sumberdaya Manusia Dan Pemandangan Teknologi Dan Kaitannya Dengan Prestasi Kerja Agen Pendidikan Pengembangan*. *Jurnal akademika* 79 (Mei-Ogos) 2010: 127 – 137. Dicapai pada November 15, 2011 dari <http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA79/10%20Rahim.pdf>.

- Sarah, K., (2011). The Veterans Health Administration: Implementing Patient-Centered Medical Homes in the Nation's Largest Integrated Delivery System. Case Study. Dicapai pada Oktober, 12, 2011 dari http://www.commonwealthfund.org/~media/Files/Publications/Case%20Study/2011/Sep/1537_Klein_veterans_hlt_admin_case%20study.pdf.
- Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh Usahawan di Malaysia (2009)*. Siri 4 Bil.1/2009. Jabatan Perangkaan Malaysia. Dicapai pada Oktober 13, 2011 dari <https://www.mohe.gov.my/eparlimen/doc/koleksi/2010-PENGGULUNGAN.pdf>.
- Siri Koleksi Penggulangan Tahun 2010*. Kementerian Pengajian Pengajian Tinggi (Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan). Dicapai pada Oktober 14, dari <https://www.mohe.gov.my/eparlimen/doc/koleksi/2010-PENGGULUNGAN.pdf>.
- Suratman A. S.& Mohd Rosli, M. F. A. (2010). *Persepsi Pelajar Spi Terhadap Amalan Kemahiran Insaniah Dalam Pembelajaran*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dicapai pada November 5, 2011 dari http://eprints.utm.my/10256/2/Mohd_Fariiqul_Amin_Bin_Mohd_Rosli.pdf.
- The Australian Industry Group (Ai Group) dicapai pada Oktober 15, 2011 dari <http://www.dest.gov.au/NR/rdonlyres/E58EFDBE-BA83-430E-A5412E91BCB59DF1/20214/GraduateEmployabilitySkillsFINALREPORT1.pdf>.
- The Australian Industry (2007). *Graduate Employability Skills* dicapai pada Oktober 13, 2011 dari <http://www.dest.gov.au/NR/rdonlyres/E58EFDBE-BA83-430E-A541-2E91BCB59DF1/20214/GraduateEmployabilitySkillsFINALREPORT1.pdf>.
- Thomson, S. B. & Srivastava, A. (2009). *Framework Analysis: A Qualitative Methodology for Applied Policy Research*". Dicapai pada Nov.15, 2011 dari http://joaag.com/uploads/06_Research_Note_Srivastava_and_Thomson_4_2.pdf.
- Wafi, A. (2002). *Siri kearah bintang sukan Badminton*. Kuala Lumpur. Goodmark Enterprise.
- Wahab; R. A. (2002). Dewan Masyarakat, Januari 2002, Kerangkraf Publication Sdn. Bhd, m.s. 44.
- Wen, C. K. (2009). *A study of stress sources among college students in Taiwan* Journal of Academic and Business Ethics. Dicapai pada November 14, 2011 dari <http://www.aabri.com/manuscripts/10471.pdf>.

- Wickham, P.A. (2004). *Strategic Entrepreneurship* (3rd ed.). Harlow: Prentice Hall.
- Wilson, N. L. (2009). *Impact of Extracurricular Activities on Students*. Jurnal The Graduate School University of Wisconsin-Stout. Dicapai pada November 24, 2011 dari <http://www2.uwstout.edu/content/lib/thesis/2009/2009wilsonn.pdf>.
- Wonisch, M., Hofmann, P., Schwabeger, G., P von Duvillard, P., & Klein, W. (2003). Artikel. *Validation of a field test for the non-invasive determination of badminton specific aerobic performance*. Br J Sports Med 2003;37:115–118. Dicapai pada April. 1, 2012 dari <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC1724604/pdf/v037p00115.pdf>
- Yusof, A. A. (2000). *Usahawan Dan Keusahawanan: Satu Penilaian*. Published in 2000. Prentice Hall.
- Yussof, I., Ismail, R. & Sidin, R. (2008). *Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM* Graduates and Employment: The Case of UKM's Graduates. *Akademika 72 (Januari) 2008*. Dicapai pada Oktober, 12, 2011 dari [http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA72/akademika72\[01\].pdf](http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA72/akademika72[01].pdf).